

**SYARAT KELAYAKAN
PERMOHONAN BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN 2025
(SUMBANGAN SKIM TABUNG KEBAJIKAN MKSK)**

Hebahan ini terbuka kepada staf UUM yang berkelayakan untuk memohon Bantuan Awal Persekolahan dari Skim Tabung Kebajikan Staf MKSK. Tuan/puan perlu melengkapkan **Borang Bantuan Awal Persekolahan 2025** seperti yang dilampirkan. Tarikh tutup permohonan adalah pada **26 JANUARI 2025 (AHAD)**.

- 1) Permohonan hanya untuk anak yang bersekolah dari **Tahun 1 hingga Tingkatan 5 (umur 07 hingga 17 tahun)** sahaja;
- 2) Permohonan hanya dipertimbangkan untuk pemohon yang berpendapatan isi rumah **TIDAK MELEBIHI RM8,000.00** (pada tahun 2025); dan
- 3) Permohonan perlu disertakan **salinan slip gaji terkini pemohon dan pasangan (Januari 2025)**.
- 4) Jika pasangan bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap, pengesahan pendapatan perlu menggunakan borang pengesahan pendapatan yang disediakan **UUM/UKS/PENDAPATAN/2025** dengan mendapat **Pengesahan oleh Pejabat ADUN atau Penghulu, Pengetua** atau yang setaraf dengannya.
- 5) Borang permohonan yang **TIDAK LENGKAP** dan **MELEPASI TARIKH TUTUP** yang dinyatakan tidak akan diproses.

NOTA: Staf yang berkelayakan tetapi anak tuan/puan telah tersenarai sebagai penerima sumbangan Anak Yatim dan Anak OKU tidak perlu memohon melalui kategori ini.

